

18/02/2003

Beralasan sudah jadi kelaziman Singapura

KEWUJUDAN lakaran reka bentuk berbeza jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor bukan tanpa sebab. Lakaran asal reka bentuk jambatan yang lurus bagi menghubungkan Malaysia dengan Singapura itu jelas lebih menawan. Ketika ditunjukkan lakaran berkenaan, Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, turut menyatakan kekaguman. Kemudian wujud pula lakaran baru jambatan yang melengkung di bahagian Malaysia seperti ular kena palu. Sebabnya tidak lain kerana khabar yang disampaikan Lee bahawa Perdana Menteri, Goh Chok Tong, mempunyai nostalgia terhadap Tambak Johor dan tidak menyetujui pembinaan jambatan baru di sebelah Singapura sebelum 2007.

Secara logiknya, pembinaan jambatan melengkung di sebelah Johor membabitkan kos lebih tinggi yang perlu ditanggung Malaysia. Secara logiknya juga, Malaysia tidak akan berbelanja secara suka-suka untuk membengkokkan jambatan yang sepatutnya lurus. Tetapi kini Goh pula menyatakan jika diberi pilihan, lakaran asal itulah yang disukainya. Cerita yang didedahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai pertemuan empat mata dengan Lee tidak lama dulu, turut dianggap rekaan. Mana-mana rakyat Malaysia yang boleh membuat pertimbangan secara logik, pastinya akan berasa dipermainkan.

Daripada berterus terang dan bekerjasama berkaitan pembinaan jambatan baru itu yang manfaatnya akan menguntungkan kedua-dua negara, Singapura sebaliknya bermuslihat. Kini republik itu tidak segan-silu memesongkan fakta kononnya jambatan itu asalnya terkandung dalam pakej penyelesaian dua hala. Kononnya juga disebabkan Malaysia mengeluarkannya daripada pakej rundingan, maka mereka tidak bersetuju dengannya. Di sebalik alasan itu pula, Singapura menyatakan kesediaan membina jambatan baru untuk disambungkan dengan bahagian yang dibina Malaysia pada 2007.

Apa pentingnya menunggu sehingga 2007 - sama ada menanti persaraan Goh, memberi secukup masa untuk Singapura menebus guna laut di Selat Tebrau hingga tidak memungkinkan laluan kapal di bawah jambatan baru itu menuju ke pelabuhan di Johor atau sekadar ingin menunjukkan siapa yang lebih berkuasa? Sebagaimana lazimnya, Singapura boleh mengada-adakan alasan untuk setiap persoalan berkenaan hasil kecenderungannya memutarbelitkan fakta asalkan keuntungan sentiasa di pihaknya. Pada ketika Malaysia sudah menjanjikan bekalan air ke republik itu sehingga hari kiamat, usah hairan jika Singapura selepas ini menyatakan kebimbangan dunia akan lebih dulu kiamat sebelum bekalan itu dapat disambung.